

## 15. PENGURUSAN PINJAMAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

**Lembaga Tabung Haji  
Jabatan Perdana Menteri**

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Tabung Haji (TH) merupakan sebuah Institusi Kewangan Islam unggul di Malaysia, sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963. TH ditadbir berdasarkan kepada Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) dan perintis dalam institusi kewangan Islam bagi memudahkan umat Islam menyimpan untuk tujuan mengerjakan Haji.

1.2. Seksyen 17(1), Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535) membenarkan Lembaga dengan kelulusan Menteri, memberi pinjaman atau bantuan kewangan kepada mana-mana syarikat yang ditubuhkan. Sehingga 31 Disember 2019, baki pinjaman yang perlu dibayar balik termasuk keuntungan oleh syarikat subsidiari dalam negara kepada TH adalah berjumlah RM456.72 juta. Sejumlah RM353.35 juta atau 77.4% daripadanya merupakan hutang oleh TH Properties Sdn. Bhd. (THP). Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15.1**.

**JADUAL 15.1  
PECAHAN BAKI PINJAMAN KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI DALAM NEGARA**

BIL.	SUBSIDIARI	PRINSIPAL (RM Juta) (a)	KEUNTUNGAN (RM Juta) (b)	ECL* (RM Juta) (c)	JUMLAH (RM Juta) (d) = (a) + (b) - (c)
1.	TH Properties Sdn. Bhd.	449.65	25.60	121.90	353.35
2.	Deru Semangat Sdn. Bhd.	88.95	16.15	90.92	14.18
3.	Marine 1 (L) Inc.	145.03	-	55.84	89.19
<b>JUMLAH</b>					<b>456.72</b>

Sumber: Penyata Pembiayaan Syarikat Dalam Negara Pada 31 Disember 2019

Nota : \*ECL – *Expected Credit Loss*, Jangkaan Kerugian Kredit atas pembayaran balik pinjaman

1.3. THP merupakan kumpulan pengurusan harta tanah, pembangunan projek dan aset dan kemudahan bersepadu. THP memfokuskan kepada empat (4) bidang perniagaan utama, iaitu pembangunan harta tanah, pembinaan, pengurusan projek dan pengurusan fasiliti.

**2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan pematuhan dijalankan bagi memastikan bayaran balik pinjaman oleh syarikat subsidiari mematuhi akta, peraturan kewangan dan undang-undang yang berkuat kuasa serta mengikut jadual bayaran yang ditetapkan.

**3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini meliputi dua (2) perjanjian pinjaman yang diberikan oleh TH kepada THP, seperti berikut:

3.1.1. Pinjaman berjumlah RM139.65 juta dengan caj keuntungan 3.9% setahun dan bayaran balik dalam tempoh lima (5) tahun yang telah dimeterai antara TH dan THP berkuat kuasa pada 31 Januari 2017; dan

3.1.2. Pinjaman sehingga RM500 juta dengan kadar caj keuntungan 5.0% setahun dibayar secara berkala setiap suku tahun dan bayaran balik dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh pengeluaran. Perjanjian antara TH dan THP bagi kemudahan pinjaman ini telah ditandatangani dan berkuat kuasa pada tarikh 29 Mei 2017.

3.2. Sampel yang dipilih bagi kontrak pinjaman ini adalah penerimaan bayaran balik dan caj keuntungan daripada tempoh pinjaman berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2019.

3.3. Pengauditan meliputi semakan terhadap kontrak pinjaman, rekod kewangan dan rekod perakaunan serta analisis data yang berkaitan. Selain itu, pihak Audit juga telah mengadakan temu bual serta perbincangan dengan pegawai yang terlibat di Bahagian Pelaburan Strategik dan Bahagian Kewangan TH.

**4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan September 2020. Maklum balas TH telah diterima pada 22 Oktober dan 3 November 2020. Mesyuarat Penutup (*Exit Conference*) telah diadakan pada 28 Oktober 2020. Penemuan Audit yang dibangkitkan adalah seperti dinyatakan di perenggan 4.1 hingga 4.3.

**4.1. Tunggakan Bayaran Balik Prinsipal Sejumlah RM34.91 Juta Dan Caj Keuntungan Sejumlah RM5.45 Juta Tidak Dikutip Oleh TH Daripada Pinjaman Sejumlah RM139.65 Juta**

4.1.1. Pinjaman ini merupakan pembiayaan semula hutang THP kepada TH yang berjumlah RM676.55 juta. Sejumlah RM536.90 juta telah dipermodalkan kepada 536.90 juta unit saham biasa pada harga RM1.00 sesaham. Baki hutang sejumlah RM139.65 juta adalah tertakluk kepada mekanisma patuh shariah instrumen komoditi murabahah dengan caj keuntungan 3.9% setahun dan bayaran balik dalam tempoh lima (5) tahun seperti dalam **Jadual 15.2**.

**JADUAL 15.2  
PERINCIAN PERJANJIAN PINJAMAN RM139.65 JUTA**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Amaun Prinsipal	Komoditi Murabahah sehingga RM139.65 juta
2.	Kadar Caj Keuntungan	3.9% setahun atas Kadar Baki Berkurangan
3.	Tujuan	Pinjaman semula hutang sedia ada THP
4.	Tempoh	5 Tahun bermula 1 Februari 2017

Sumber: Perjanjian Pinjaman bertarikh 31 Januari 2017

4.1.2. Merujuk kepada *Schedule 5 – Schedule of Payment of LTH's Sale Price* dalam *Master Commodity Murabahah Facility Agreement* bertarikh 31 Januari 2017, bayaran balik prinsipal bermula pada suku pertama selepas dua (2) tahun daripada tarikh pinjaman, iaitu 1 Februari 2017. Selain itu, caj keuntungan akan diterima pada setiap suku tahun bermula dari bulan pertama pinjaman kepada THP.

4.1.3. Semakan Audit mendapati **sehingga 31 Disember 2019, jumlah tunggakan bayaran balik prinsipal dan caj keuntungan berjumlah RM40.36 juta, masing-masing RM34.91 juta dan RM5.45 juta belum dijelaskan kepada TH oleh THP.** Ringkasan amaun adalah seperti dalam **Jadual 15.3.**

**JADUAL 15.3  
PRINSIPAL DAN KEUNTUNGAN ATAS PINJAMAN RM139.65 JUTA  
TIDAK DITERIMA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

TAHUN	PRINSIPAL (RM Juta) (a)	KEUNTUNGAN (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta) (e) = (a) + (d)
		AMAUN PATUT TERIMA (b)	TELAH TERIMA (c)	TIDAK TERIMA (d) = (b) – (c)	
1. 2017	-	4.08	4.08	-	-
2. 2018	-	5.45	2.72	2.73	2.73
3. 2019	34.91	5.44	2.72	2.72	37.63
<b>JUMLAH</b>	<b>34.91</b>	<b>14.97</b>	<b>9.52</b>	<b>5.45</b>	<b>40.36</b>

Sumber: Perjanjian Pinjaman Bertarikh 31 Januari 2017 Dan Lejar Am Kod Akaun Berkaitan Sehingga 31 Disember 2019

4.1.4. Semakan Audit terhadap Penyata Kewangan Beraudit THP mendapati aliran tunai bersih THP berkedudukan defisit sejak tahun 2016, di mana defisit pada tahun 2016 adalah RM4.34 juta, tahun 2017 adalah RM5.86 juta, tahun 2018 adalah RM3.29 juta dan tahun 2019 adalah RM17.76 juta. Keadaan ini merupakan antara sebab THP gagal membayar balik tunggakan pinjaman dan caj keuntungan kepada TH.

4.1.5. Mesyuarat Lembaga Pengarah Khas Bilangan 1 Tahun 2017 bertarikh 18 Januari 2017 menyatakan laporan status perbelanjaan wang pinjaman yang disalurkan oleh TH kepada THP dibentangkan pada setiap tiga (3) bulan dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah (ALP) TH. Laporan ini termasuk juga jangka masa penyiapan projek dan jadual perbatuan bagi membolehkan pihak Pengurusan TH memantau perkembangan projek yang dilaksanakan supaya tidak berlaku sebarang kelewatan. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat ALP TH mendapati **laporan ini tidak dibentangkan dalam mesyuarat tersebut**. Bagaimanapun, status perbelanjaan wang pinjaman ada dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Urus Tadbir (RAG) TH dan minit mesyuarat ini diangkat untuk makluman dalam Mesyuarat ALP TH.

4.1.6. Semakan Audit mendapati sehingga 8 September 2020, TH telah menghantar 15 notis tuntutan bayaran balik prinsipal dan caj keuntungan kepada THP bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Bagaimanapun, terdapat amaun tertunggak (amaun yang tidak terima seperti dalam **Jadual 15.3**) sejak tahun 2018 dan surat peringatan mengenai baki tunggakan bayaran balik prinsipal dan caj keuntungan hanya dihantar sekali, iaitu pada 16 Julai 2019.

4.1.7. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sehingga 31 Ogos 2020, jumlah tunggakan prinsipal dan caj keuntungan telah meningkat kepada RM79.35 juta**.

### **Maklum balas TH yang diterima pada 22 Oktober dan 3 November 2020**

Objektif pengawasan dan pemantauan yang diguna pakai oleh TH adalah untuk memastikan kelangsungan perniagaan THP agar berupaya membayar balik pinjaman setelah syarikat berjaya dibaik pulih dan mengurangkan impak rosot nilai aset kewangan di peringkat TH. Status perbelanjaan wang pinjaman telah dilaporkan secara berkala di dalam beberapa jawatankuasa di TH, termasuklah (i) Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Urus Tadbir (RAG) di peringkat Lembaga Pengarah; dan (ii) Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Urus Tadbir (MRAG) dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan, Aset & Liabiliti (ALCO) di peringkat Pengurusan Tertinggi.

Tambahan pula, pendekatan yang diambil oleh TH juga tertumpu kepada penyelesaian secara komprehensif dengan cara (i) penukaran Lembaga pengarah dan pengurusan THP yang lebih berkebolehan; (ii) mengkaji semula daya saing projek; dan (iii) memantau prestasi THP dan projek yang bermasalah. Selain itu, kaedah pemantauan baru yang menyeluruh telah diperkenalkan, antaranya (i) kewujudan *Strategic Dashboard* untuk memantau status operasi dan prestasi kewangan THP termasuk status pembayaran; (ii) pemerkasaan *Nominee Director* yang mewakili TH untuk membuat keputusan perniagaan yang memberi pulangan lebih tinggi; dan (iii) penetapan *Shareholder's Reserve Matter* yang memerlukan THP untuk merujuk kepada TH supaya kepentingan TH terjaga.

**Pernyataan Audit** | **Kegagalan THP membuat bayaran balik pinjaman menyebabkan kerugian aliran tunai masuk kepada TH berjumlah RM40.36 juta sehingga 31 Disember 2019.**

#### **4.2. Tunggakan Bayaran Balik Prinsipal Sejumlah RM10 Juta Dan Caj Keuntungan Sejumlah RM15.50 Juta Tidak Dikutip Oleh TH Daripada Pinjaman Sejumlah RM500 Juta**

4.2.1. Pinjaman ini merupakan pembiayaan hutang baharu dengan suntikan tunai berlandaskan instrumen komoditi murabahah sehingga RM500 juta dengan caj keuntungan 5.0% setahun dan bayaran balik dalam tempoh lima (5) tahun. Butiran pinjaman adalah seperti dalam **Jadual 15.4**.

**JADUAL 15.4**  
**PERINCIAN PERJANJIAN PINJAMAN RM500 JUTA**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Amaun Prinsipal	Sehingga RM500 Juta (berdasarkan Komoditi Murabahah) Bahagian 1 – RM300 juta Bahagian 2 – RM200 juta
2.	Kadar Caj Keuntungan	5.0% setahun atas Kadar Baki Berkurangan
3.	Tujuan	Modal Kerja
4.	Tempoh	5 tahun dari tarikh pengeluaran (10 Julai 2017)

Sumber: Perjanjian Pinjaman bertarikh 31 Mei 2017

4.2.2. Tujuan utama pemberian pinjaman kepada THP adalah untuk membolehkan THP menjalankan lapan (8) projek tempatan dengan lebih mampan dan seterusnya meningkatkan kemampuan THP untuk menyiapkan projek mengikut garis masa yang telah dijadualkan. Pembiayaan ini akan menjana *Gross Development Value* (GDV) projek sejumlah RM1.006 bilion. Selain itu, pinjaman ini juga dijangka akan menghasilkan pendapatan kepada TH sejumlah RM74.10 juta sepanjang tempoh

lima (5) tahun atau pulangan 5.0% setahun atas pinjaman. Butiran lapan (8) projek yang terlibat adalah seperti dalam **Jadual 15.5**.

**JADUAL 15.5**  
**SENARAI PROJEK TEMPATAN**

BIL.	ANAK SYARIKAT/ PROJEK	JENIS PROJEK	GDV PEMBANGUNAN (RM Juta)	GDV PROJEK (RM Juta)	JUMLAH PINJAMAN (RM Juta)	PERATUSAN (%)	
						SIAP	JUAL
1.	THP Enstek Development Sdn. Bhd. (Enstek)	Perumahan & Industri	7,412	286	145	100	99
2.	THP Timur Sdn. Bhd. (Kota Bharu)	Perumahan	98	121	35	Tangguh	
3.	THP Mutiara Sdn. Bhd. (Bayan Lepas)	Pembangunan Bercampur	92	150	33	Tangguh	
4.	THP Hartanah Sdn. Bhd. (Warisan Puteri, Seremban)	Perumahan & Komersil	339	52	32	100	63
5.	THP Pelindung Sdn. Bhd. (Pesisiran Residence, Kuantan)	Perumahan	52	56	15	100	5
6.	THP (Kelana Jaya)	Pembangunan Bercampur	1,216	Tangguh	110	Tangguh	
7.	THP (Kuala Perlis)	Pembangunan Bercampur	360	341	50	Tangguh	
8.	Keramat Green Development Sdn. Bhd. (Kuala Lumpur)	Perumahan	556	Tangguh	80	Tangguh	
<b>JUMLAH</b>			<b>10,125</b>	<b>1,006</b>	<b>500</b>		

Sumber: Memorandum Kepada Yang Berhormat Menteri Pada 19 Januari 2017 Bagi Cadangan Untuk Menyediakan Pinjaman Kepada TH Properties Sdn. Bhd. Dan Meningkatkan Modal Saham Syarikat Dan Laporan Kemajuan Projek THP

4.2.3. Merujuk kepada *Schedule 5 – Schedule of Payment of LTH's Sale Price* dalam *Master Commodity Murabahah Facility Agreement* bertarikh 29 Mei 2017, tempoh bayaran balik pinjaman ini adalah selama 60 bulan atau lima (5) tahun. Pinjaman ini terbahagi kepada dua (2) Bahagian (*Tranche*). Bahagian 1 sejumlah RM300 juta manakala Bahagian 2 sejumlah RM200 juta. Pinjaman bagi Bahagian 2 akan dikeluarkan selepas setahun pinjaman Bahagian 1 dikeluarkan. Bayaran balik prinsipal bagi kedua-dua Bahagian pinjaman ini bermula pada suku pertama selepas dua (2) tahun daripada tarikh mula pinjaman Bahagian 1, iaitu selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2019. Caj keuntungan atas pinjaman akan diterima pada setiap suku tahun bermula daripada suku pertama pinjaman Bahagian 1 dikeluarkan kepada THP.

4.2.4. Semakan Audit mendapati sejumlah RM310 juta daripada jumlah keseluruhan pinjaman RM500 juta telah disalurkan kepada THP, iaitu RM300 juta daripada Bahagian 1 pada 10 Julai 2017 dan hanya RM10 juta daripada Bahagian 2 pada 26 Mac 2018. Ini adalah kerana baki RM190 juta untuk pembiayaan projek Keramat Green Development Sdn. Bhd. dan THP (Kelana Jaya) tidak dituntut kerana telah ditangguhkan memandangkan keadaan ekonomi dan pasaran hartanah yang lemah pada ketika itu.

4.2.5. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sehingga 31 Disember 2019, tuggakan bayaran balik prinsipal dan caj keuntungan berjumlah RM25.50 juta, iaitu RM10 juta dan RM15.50 juta masing-masing masih belum dijelaskan kepada TH oleh THP.**

Ringkasan amaun adalah seperti dalam **Jadual 15.6**.

**JADUAL 15.6**  
**PRINSIPAL DAN KEUNTUNGAN ATAS PINJAMAN RM310 JUTA**  
**TIDAK DITERIMA SEHINGGA 31 DISEMBER 2019**

BIL.	TAHUN	PRINSIPAL (RM Juta) (a)	KEUNTUNGAN (RM Juta)						JUMLAH (RM Juta) (e) = (a) + (d)	
			AMAUN PATUT TERIMA (b)		TELAH TERIMA (c)		TIDAK TERIMA (d) = (b) – (c)			
			B1	B2	B1	B2	B1	B2	B1	B2
1.	2017	-	-	3.75	-	3.75	-	-	-	-
2.	2018	-	-	15.00	0.38	7.50	-	7.50	0.38	7.50
3.	2019	10.00	-	15.00	0.50	7.50	0.38	7.50	0.12	17.50
<b>JUMLAH SETIAP BAHAGIAN</b>		<b>10.00</b>	-	<b>33.75</b>	<b>0.88</b>	<b>18.75</b>	<b>0.38</b>	<b>15.00</b>	<b>0.50</b>	<b>25.00</b>
<b>JUMLAH</b>		<b>10.00</b>		<b>34.63</b>		<b>19.13</b>		<b>15.50</b>		<b>25.50</b>

Sumber: Penyata Pinjaman Tahunan Subsidiari

Nota : B1 – Bahagian 1      B2 – Bahagian 2

4.2.6. Keadaan ini berlaku disebabkan THP menghadapi masalah aliran tunai bersih berterusan sejak tahun 2016 berikutan lima (5) daripada lapan (8) projek yang dirancang terpaksa ditangguh pelaksanaannya sehingga kini. Daripada tiga (3) projek yang telah siap, hanya satu (1) projek dapat dijual sehingga 100% manakala dua (2) projek lagi prestasi jualannya antara 5.0% hingga 63.0% sahaja.

4.2.7. Setakat 8 September 2020, TH telah menghantar 23 notis tuntutan bayaran balik prinsipal dan caj keuntungan kepada THP bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020. Bagaimanapun, terdapat amaun telah tertunggak (amaun yang tidak terima seperti dalam **Jadual 15.6**) sejak tahun 2018 dan surat peringatan mengenai baki tuggakan bayaran balik prinsipal dan caj keuntungan hanya dihantar sekali, iaitu pada 16 Julai 2019.

4.2.8. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sehingga 31 Ogos 2020, jumlah tuggakan prinsipal dan caj keuntungan telah meningkat kepada RM124.71 juta.**

### Maklum balas TH yang diterima pada 3 November 2020

Pihak TH telah mengarahkan THP melalui surat bertarikh 27 Oktober 2020 supaya THP membayar sejumlah RM66.39 juta atau sekurang-kurangnya RM60 juta selewat-lewatnya pada Disember 2020. Jumlah RM66.39 juta adalah untuk THP melunaskan segala tunggakan prinsipal dan keuntungan sehingga 31 Disember 2019 yang berjumlah RM65.86 juta (termasuk tunggakan bagi pinjaman sejumlah RM139.65 juta) serta penalti ke atas kelewatan bayaran balik prinsipal yang berjumlah RM537,109.

Pihak THP melalui surat bertarikh 2 November 2020 telah menyatakan komitmen untuk melakukan pembayaran sejumlah RM60 juta sebelum 31 Disember 2020. Komitmen THP dicapai setelah mengambil kira THP kini mempunyai dana setelah berjaya menerima balik sebahagian daripada pelaburan Australia berjumlah AUD19.23 juta (RM56.60 juta) baru-baru ini.

**Pernyataan Audit** | **Kegagalan berterusan THP menjelaskan tunggakan pinjaman dan caj keuntungan memberi kesan kepada aliran tunai TH.**

#### 4.3. Penalti Sejumlah RM161,822 Tidak Dikenakan Atas Kelewatan Pembayaran Balik Prinsipal Bagi Pinjaman Berjumlah RM449.65 Juta

4.3.1. Klaus 11 perjanjian pinjaman menetapkan penalti (*ta'widh*), sebanyak 1.0% setiap tahun akan dikenakan sekiranya terdapat tunggakan bayaran balik pinjaman.

4.3.2. Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2019, tempoh tunggakan bagi empat (4) bayaran prinsipal yang berjumlah RM44.92 juta adalah antara 60 hingga 244 hari. Bagaimanapun, **tiada penalti dikenakan terhadap THP bagi kelewatan bayaran prinsipal tersebut**. Berdasarkan pengiraan Audit, **penalti yang sepatutnya dikenakan adalah berjumlah RM161,822**.

Butiran penalti kelewatan bayaran prinsipal adalah seperti dalam **Jadual 15.7**.

**JADUAL 15.7  
PENALTI ATAS KELEWATAN  
BAYARAN BALIK PRINSIPAL SETAKAT 31 DISEMBER 2019**

TAHUN	PINJAMAN KEPADA THP (RM Juta)	BAYARAN PRINSIPAL PATUT DITERIMA (RM Juta)	BULAN PRINSIPAL PATUT DITERIMA	TEMPOH LEWAT TERIMA (HARI)*	PENALTI ATAS PRINSIPAL TIDAK DIKENAKAN (RM)**
2019	139.65	11.64	April 2019	244	77,793
		11.64	Julai 2019	152	48,461
		11.64	Oktober 2019	60	19,130

TAHUN	PINJAMAN KEPADA THP (RM Juta)	BAYARAN PRINSIPAL PATUT DITERIMA (RM Juta)	BULAN PRINSIPAL PATUT DITERIMA	TEMPOH LEWAT TERIMA (HARI)*	PENALTI ATAS PRINSIPAL TIDAK DIKENAKAN (RM)**
	310.00	10.00	Oktober 2019	60	16,438
<b>JUMLAH</b>	<b>449.65</b>	<b>44.92</b>			<b>161,822</b>

Sumber: Perjanjian Pinjaman bertarikh 31 Januari 2017

Nota : \* Tarikh kelewatian dikira oleh pihak Audit adalah pada 1hb bulan berikut daripada bulan prinsipal patut terima

\*\* Pengiraan penalti pada kadar:  $\frac{\text{Jumlah Hari Lewat} \times (1\% \times \text{Bayaran Prinsipal Patut Terima})}{365 \text{ Hari}}$

4.3.3. Perkara ini berlaku kerana TH tidak membuat tuntutan penalti terhadap THP bagi kelewatian pembayaran balik prinsipal tersebut seperti yang diperuntukkan dalam klausula 11 perjanjian pinjaman.

4.3.4. Kegagalan TH membuat tuntutan tersebut juga memberi kesan kepada peningkatan jumlah penalti yang sepatutnya dikenakan terhadap THP. Semakan Audit selanjutnya mendapati **sehingga 31 Ogos 2020, jumlah penalti telah meningkat kepada RM827,418 bagi kelewatian bayaran balik 10 prinsipal pinjaman berbanding RM161,822 bagi empat (4) prinsipal pada akhir tahun 2019. Namun, TH masih belum membuat sebarang tuntutan terhadap jumlah penalti tersebut kepada THP.**

#### Maklum balas TH yang diterima pada 22 Oktober dan 3 November 2020

THP merupakan sebuah syarikat milik penuh TH dan merupakan sebahagian daripada Kumpulan TH di mana prestasi kewangan THP akan menyumbang kepada prestasi kewangan TH secara langsung apabila penyata kewangan disatukan. Jika penalti atas kelewatian pembayaran balik prinsipal dikenakan oleh TH kepada THP, kemampuan aliran tunai THP bakal terjejas dan seterusnya menyekat THP daripada menjalankan projek dengan lebih mapan. Ini seterusnya bakal menjelaskan kedudukan kewangan Kumpulan TH apabila penyata kewangan disatukan. Namun begitu, pihak TH mengambil maklum akan perkara ini dan telah mengambil tindakan dengan mengenakan penalti yang berjumlah RM537,109 (empat (4) prinsipal) bagi kelewatian sehingga 31 Oktober 2020.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Kegagalan menguatkuasakan syarat perjanjian pinjaman mengenai kenaan penalti bayaran lewat prinsipal menyebabkan ketirisan hasil kepada TH sejumlah RM161,822.</b>
-------------------------	---

**5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan tindakan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan syarat perjanjian, TH perlu mengambil tindakan berikut:

- 5.1. Menguatkuasakan syarat perjanjian bagi menuntut balik tunggakan bayaran.
- 5.2. Mengutip balik jumlah prinsipal dan caj keuntungan yang tertunggak yang patut diterima oleh TH sehingga 31 Ogos 2020.
- 5.3. Memastikan usaha untuk mendapatkan bayaran balik pinjaman dilakukan tepat pada masanya dan mengkaji semula mekanisma pemantauan bagi mendapatkan bayaran balik pinjaman yang telah diberikan. Ini bagi memastikan kepentingan operasi TH tidak terjejas dan syarikat subsidiari bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan pinjaman yang telah diberikan dibayar balik mengikut perjanjian.